



**JABATAN KEJURUTERAAN AWAM DAN SALIRAN  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

**SYARAT – SYARAT PERMIT UNTUK MELAKUKAN KERJA KOREKAN BAGI  
PEMASANGAN PERKHIDMATAN UTILITI DI DALAM REZAB JALAN AWAM,  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

- 1) Sekiranya kerja lubang gali melibatkan dengan pihak–pihak yang berkaitan seperti dibawah ini, **Pemegang Permit** dikehendaki mendapatkan **kebenaran** berasingan terlebih dahulu daripada :
  - a) **Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, DBKL**  
Bagi kerja yang melibatkan pokok, kawasan landskap atau kawasan lapang awam.
  - b) **Jabatan Perancangan Infrastruktur, DBKL**  
Bagi kerja yang melibatkan laluan lori angkut bahan.
  - c) **Jabatan Pengangkutan Bandar, DBKL**  
Bagi kerja yang melibatkan penutupan jalan/membuat lencongan ke jalan lain, mengepung sebahagian jalan di luar waktu kerja yang di benarkan atau meletakkan plat keluli pada jalan / menggunakan 'steel decking system' bagi kerja yang melibatkan siarkaki, bahu jalan, perhentian bas / teksi, petak letak kereta, laluan bas / LRT / Monorel atau persimpangan jalan yang ada lampu isyarat lalulintas dan jika bahan binaan hendak disimpan di siarkaki / bahu jalan / laluan kenderaan.
  - c) **Pihak Berkuasa / Agensi Yang Berkenaan**  
Bagi kerja yang melibatkan pili Bomba, Kabel Kamera Polis Trafik ('Red Light Camera Cable'), Rezab Sungai, Jalan Tol, kawasan rezab jalan LLM / JKR, atau kabel elektrik / paip gas / paip air / paip pembetulan / kabel telekomunikasi dan right of way (R.O.W) projek.
  - d) **Pemilik Tanah** : Jika kerja melibatkan tanah yang bukan rizab jalan awam.
- 2) Pemegang Permit dikehendaki melaksanakan **sesi pandangan awam (public engagement session)** kepada persatuan penduduk atau pihak yang berkepentingan bagi kerja-kerja perkhidmatan utiliti berskala besar yang akan memberikan kesan kepada orang awam atau penduduk sekitar terutamanya yang melibatkan kawasan perumahan atau mana-mana jalan yang perlu diberi perhatian.
- 3) Permit Asal hendaklah pada setiap masa disimpan di tapak untuk pemeriksaan oleh Pihak Berkuasa. Jika kerja dijalankan serentak di beberapa jalan, **Pemegang Permit** bolehlah menyediakan salinan–salinan permit tersebut dengan disahkan oleh Unit Permit Utiliti, JKAWS, DBKL.
- 4) Setelah permit diperolehi, pemegang permit dikehendaki mengemukakan **Borang PKU-6** - notis memulakan kerja korekan empat (4) hari sebelum memulakan kerja di tapak.

- 5) Papan Pemberitahuan yang mempamerkan maklumat tentang Jenis Kerja, Pemegang Permit dan Kontraktor (seperti lukisan, catatan dan contoh yang disertakan) hendaklah dipasang di tapak dengan cara yang selamat sepanjang masa kerja dijalankan. (Rujuk Contoh Di **Lampiran PKU-4**)
- 6) Tanda-tanda Amaran / Arahan / Papantanda Pengurusan Lalulintas yang sesuai hendaklah dipasang semasa kerja-kerja dijalankan. **Pemegang Permit** dan **Kontraktor** hendaklah memastikan lampu-lampu amaran berfungsi pada waktu malam / waktu gelap. (Rujuk Contoh di **Lampiran PKU-5**)
- 7) Waktu bekerja :-
  - a) Mengikut masa di dalam permit yang telah diluluskan.
  - b) Semua kerja **tidak boleh** dijalankan pada waktu-waktu sibuk (hari bekerja) iaitu, 6:00 pagi – 9:00 pagi dan 5:00 petang – 8:00 malam.
  - c) Kerja malam **tidak dibenarkan** dalam kawasan perumahan.
- 8) Permukaan jalan hendaklah dipotong dengan mesin 'road cutter' sebelum jalan dikorek dan semua jentera pengorek hendaklah dialas (kayu pelapis atau tayar).
- 9) Kabel paip ('duct') hendaklah dipasang sedalam tidak kurang dari 1 meter ke bawah aras jalan yang sediaada. Jika melintasi longkang, ianya hendaklah dipasang di bawah longkang dan jika melintasi jalan, ianya hendaklah dipasang bersudut tepat 90° (at right angles). Sebarang pemasangan kabel paip ('duct') di dalam longkang adalah **tidak dibenarkan**.
- 10) Semua petak penyambungan (joint-pits), "jacking & receiving pits" untuk kerja-kerja pipe jacking atau HDD pits mestilah sekurang-kurangnya berada 10meter dari persimpangan jalan dan berada di dalam kawasan bahu jalan seberapa jauh yang boleh.
- 11) Bahan-bahan sisa korekan dari lubang gali tidak dibenarkan diletak diatas jalan / siarkaki. Karung berisi pasir boleh digunakan untuk menahan lubang gali dari dimasuki air.
- 12) Langkah-langkah yang sesuai hendaklah diambil untuk menjamin aliran lalulintas kenderaan, pejalan kaki, kerja punggah-memunggah dan aliran dalam longkang / parit berjalan lancar.
- 13) Sebelum tamatnya waktu kerja yang dinyatakan dalam permit, **Pemegang Permit** dan **Kontraktor** hendaklah menimbus semula lubang korekan di laluan jalan (carriageway) dengan pasir bersih yang dimampatkan berlapis – lapis tidak melebihi 225 mm setiap lapisan, 'crusher-run' yang dimampatkan dengan mesin pemampat, dalam lapisan tidak melebihi 100 mm tebal sehingga mencapai tebal tidak kurang dari 450 mm, 'bituminious emulsion' yang disembur kira-kira 1.5 m persegi setiap liter dan penurapan 'premix' yang dimampatkan dengan 'roller' sehingga ketebalan mencapai tidak kurang 100 mm. Untuk bekas korekan dan tampalan jalan yang terlibat dengan garisan penanda jalan (**'road marking'**) sediaada, Penandaan garisan jalan (**'road marking'**) menggunakan **'Hot Thermoplastic'** hendaklah di cat semula **secara sementara** dengan pematuhan kepada spesifikasi garisan penanda jalan dengan ketebalan minimum 3mm sebelum perkara (18) dan (19) dilaksanakan. (Rujuk **Lampiran PKU-7**)

- 14) Bagi pemasangan kabel elektrik / sesalur telekomunikasi, **Pemegang Permit** dan **Kontraktor** dikehendaki menggunakan 'Duct' dari jenis **HDPE (High Density Polyethylene) PN 10**.
- 15) **Pemegang Permit** dan **Kontraktor** hendaklah mendapatkan perkhidmatan makmal atau syarikat yang diiktiraf oleh **Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)**, Jabatan Standard Malaysia bagi melaksanakan ujian pemadatan timbusan lubang korekan ('In-situ CBR using Clegg Impact') untuk memastikan kerja-kerja menimbus semula lubang korekan di perkara (13) mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Sekiranya ujian 'In-situ CBR using Clegg Impact' gagal, **Pemegang Permit** dan **Kontraktor** hendaklah mengorek semula bekas lubang berkaitan dan menjalankan semula kerja-kerja pemadatan timbusan dan ujian 'In-situ CBR using Clegg Impact' sehingga menepati spesifikasi dengan segala kos perlu ditanggung oleh **Pemegang Permit** dan **Kontraktor**. (Rujuk **Lampiran PKU-8**)
- 16) Pengiraan bilangan '**In-situ CBR using Clegg Impact**' dan **Ujian Kualiti Turapan** yang diperlukan adalah seperti berikut:

Kaedah kerja	Pengiraan Jumlah Ujian ('In-situ CBR using Clegg Impact')	Pengiraan Jumlah Ujian (Kualiti Turapan)
Korekan Terbuka /	Jumlah ujian adalah berdasarkan 500m <sup>2</sup> keluasan jalan sedia ada daripada bebendul ke bebendul (termasuk jalan yang tidak terlibat dengan kerja pengorekan).	Jumlah ujian adalah berdasarkan 500m <sup>2</sup> setiap keluasan jalan terlibat dengan Pengisaran Dan Penurapan (' <i>Mill &amp; Pave</i> ') semula.
"Micro Trenching"	-	
HDD / "Pipe Jacking"	Setiap Pit	Setiap Pit

**Nota :**

- Ujian timbusan lubang korekan - '*In-situ CBR using Clegg Impact*'  
 Ujian kualiti turapan - *Kualiti Bahan Turapan : 'Bitumen Content' / 'Grading'*  
 - *Kualiti Kerja Turapan : 'Coring Thickness' / 'Compaction'*

- 17) Pemegang Permit dikehendaki mengemukakan **Borang PKU-8** (Notis Makluman Siap Kerja Korekan\* / Permohonan Permit Kerja Baikpulih) dan **Borang PKU-9** (Pengesahan Jurutera Perunding Awam Ke Atas Keseluruhan Kerja-Kerja Korekan Jalan Dan Timbusan Bahan Korekan) serta Laporan Ujian 'In-situ CBR using Clegg Impact' bagi kerja-kerja yang telah disiapkan dan membuat ukuran panjang korekan.
- 18) **Pemegang Permit** dan **Kontraktor** dikehendaki melaksanakan kerja-kerja **Pengisaran Dan Penurapan ('Mill & Pave')** semula jalan dengan ketebalan **minimum 50 mm** selepas semua perkara (17) dipatuhi dan keputusan ujian 'In-situ CBR using Clegg Impact' disahkan menepati spesifikasi dan laporan telah diterima oleh JKAWs, DBKL daripada **Pemegang Permit**. Kerja-kerja penurapan perlu dilakukan selewat-lewatnya 14 hari selepas penyiapan kerja-kerja korekan.
- 19) Walaubagaimanapun, jika terdapat aduan awam atau sebarang keperluan kecemasan, DBKL berhak mengarahkan **Pemegang Permit** dan **Kontraktor** untuk melaksanakan kerja-kerja **Pengisaran Dan Penurapan ('Mill & Pave')** semula jalan dengan ketebalan **minimum 50 mm** selepas kerja korekan dilaksanakan demi keselamatan dan keselesaan orang awam dan pengguna jalanraya. Ujian 'In-situ CBR using Clegg Impact' hendaklah diatur serta-merta oleh pemegang permit sebelum kerja-kerja Pengisaran Dan Penurapan ('*Mill & Pave*') dilaksanakan.

- 20) Bagi kerja-kerja **Pengisaran Dan Penurapan ('Mill & Pave')**, Pemegang Permit dikehendaki menggunakan jenis bahan turapan seperti yang sedia ada ditapak. Pihak DBKL juga adalah berhak menentukan jenis bahan turapan yang berlainan berdasarkan keperluan semasa.
- 21) Keseluruhan **bahan Buangan Pengisaran jalan (Milling Waste)** hendaklah dihantar ke **Depoh, Jabatan Kejuruteraan Awam Dan Saliran, DBKL**. Pemegang permit dikehendaki menghubungi jabatan ini lebih awal agar penyelarasan dapat dilaksanakan dengan depoh berdekatan.
- 22) Penandaan garisan jalan (**'road marking'**) adalah menggunakan cat jenis **'Hot Thermoplastic'** dengan pematuhan kepada spesifikasi garisan penanda jalan dengan ketebalan minimum 3mm perlu dijalankan selepas kerja penurapan dilaksanakan. (Rujuk Arahan Teknik (Jalan) 2D/85).
- 23) **Pemegang Permit dan Kontraktor** hendaklah mendapatkan perkhidmatan makmal atau syarikat yang diiktiraf oleh Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM), Jabatan Standard Malaysia bagi melaksanakan ujian kualiti turapan di dalam tempoh 14 hari daripada penyiapan kerja **Pengisaran Dan Penurapan ('Mill & Pave')**. (Rujuk **Lampiran PKU-8**).
- 24) Jika laluan kerja korekan dilaksanakan pada **siarkaki**, pemegang permit dikehendaki membina semula siarkaki dengan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh DBKL.
- 25) Sekiranya kerja korekan yang terlibat dengan kawasan **'Interlocking Concrete Paving Blocks'**, semua yang berkaitan hendaklah dibaikpulih dan dibina semula dengan menggunakan khidmat **Kontraktor** yang mahir dengan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh DBKL.
- 26) Bahu jalan hendaklah diratakan dan dibaikpulih dengan menanam rumput secara **'closed turfing'**.
- 27) Bagi kerja-kerja yang melibatkan pemasangan dan pembaikan **Manhole / Chamber Utiliti** di atas jalan, pemegang permit dan kontraktor dikehendaki memasang penutup Manhole / Chamber Utiliti dari jenis **Precast Concrete Slab dengan menggunakan konkrit Gred 50**. (Rujuk **Lampiran PKU-6**)
- 28) Jika terdapat kerosakan pada kabel / paip / perabot jalan / harta benda dan sebagainya didalam, atas atau sebelah jalan (sebelum memulakan kerja) ataupun jika ada kemalangan jalanraya/kemalangan kerja ditapak, **Kontraktor** dikehendaki dengan serta merta melaporkan kepada pihak yang berkenaan seperti (pihak utiliti / pemilik harta / polis trafik / pihak polis / jabatan keselamatan dan kesihatan pekerja dan sebagainya), syarikat insurans, **Pemegang Permit** dan Jabatan ini.
- 29) Sekiranya terdapat kerosakan pada kabel / paip / perabot jalan / harta benda dan sebagainya didalam, atas atau sebelah jalan (semasa menjalankan kerja atau setelah menyiapkan kerja), Pemegang Permit dikehendaki menjalankan kerja pembaikan serta melaksanakan **'In-situ CBR using Clegg Impact'** serta kerja-kerja turapan semula dengan kos perlu ditanggung oleh **Pemegang Permit** dan **Kontraktor**.
- 30) **Caj Baik Pulih** hanya akan dipulangkan setelah **kerja-kerja pada perkara (18), (22), (23), (24), (25) dan (26)** diselesaikan oleh **Pemegang Permit** dan **Kontraktor** serta mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh DBKL.

- 31) Penilaian pemulangan caj baik pulih juga akan dipertimbangkan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam keputusan Ujian Kualiti Turapan (rujuk perkara 16) atau kualiti kerja-kerja lain yang berkaitan. Pihak DBKL juga berhak mengenakan denda ke atas tolakan deposit bagi spesifikasi yang gagal dipatuhi. Hasil daripada tolakan deposit akan digunakan untuk tujuan penyelenggaraan pada masa akan datang.
- 32) **Pemegang Permit** dan **Kontraktor** adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan kebersihan ('housekeeping') di tapak kerja.
- 33) Jika mana-mana syarat di atas atau Syarat Tambahan yang dinyatakan dalam **permit tidak dipatuhi**, pihak DBKL berhak **menghentikan kerja ditapak**. DBKL seterusnya akan menggantung, membatalkan permit atau mengenakan syarat-syarat yang baru.
- 34) Sekiranya pemegang permit gagal melaksanakan **perkara (18) atau (19)**, DBKL adalah berhak untuk melaksanakan kerja baikpulih dan segala caj - caj berkaitan akan dituntut kepada deposit secara keseluruhannya atau Tabung Wang Deposit kepada pemegang permit ditambah dengan 5% kos perkhidmatan.
- 35) DBKL juga berhak melantik **perunding profesional** untuk melaksanakan sebarang semakan ke atas permohonan atau ke atas kerja – kerja pemegang permit ditapak sekiranya diperlukan serta melantik **penguji makmal** bertauliah bagi menjalankan ujian tambahan ke atas apa-apa kualiti kerja sekiranya perlu atau terdapat keraguan ke atas kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pemegang permit. Segala kos yang bersangkutan akan dituntut kepada bayaran deposit kerja korekan / atau Tabung Wang Deposit termasuk 5% kos perkhidmatan. Perkara ini adalah sangat mustahak untuk memastikan kerja – kerja di dalam rizab jalan awam mematuhi syarat – syarat yang telah ditetapkan dan kualiti kerja yang diberikan mematuhi spesifikasi dan berkualiti.
- 36) DBKL akan mengenakan **Caj Penggunaan Rezab Jalan (Caj Gantirugi)** dan kos-kos kerja lain yang dilaksanakan DBKL (jika ada) seperti dibawah.

<b>Kaedah kerja</b>	<b>Caj Penggunaan Rezab Jalan</b>
Korekan Terbuka	RM 50.00/m panjang
HDD , "Pipe Jacking" dan "Micro Trenching"	RM 30.00/m panjang
Penyiasatan Tanah	RM 20.00/no

- 37) Bagi permohonan permit korekan jalan yang membatalkan permohonannya, **DBKL akan mengenakan caj sebanyak RM 500.00 bagi setiap permohonan.**
- 38) **Pemegang Permit** diwajibkan membuat tuntutan bagi wang deposit mana – mana kerja yang telah disiapkan dan mematuhi syarat – syarat yang telah ditetapkan. **Tuntutan hendaklah dibuat 6 bulan dari tarikh siap kerja.** Sekiranya selepas 1 tahun tiada tuntutan dibuat, DBKL berhak secara mutlak dan muktamad membuat sebarang potongan mengikut pengiraan DBKL.

**Pengarah**  
**Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran**  
**b.p Datuk Bandar Kuala Lumpur**